

## ADAB BERKAITAN KUBUR

### Pendahuluan

Menziarahi kubur adalah amalan mulia yang patut dikekalkan dari generasi ke generasi. Antara kelebihan amalan menziarahi kubur adalah:-

1. Dikasihi Allah S.W.T. atas sebab mengikuti Sunnah Rasulullah S.A.W.
2. Untuk mengingati kita tentang asal usul kejadian kita.
3. Menginsafi diri tentang kematian, alam kubur dan hari Kiamat.
4. Mengambil iktibar tentang apa yang telah berlaku, dapat melembutkan kekerasan hati dan dapat mendidik jiwa.
5. Berlaku ihsan kepada orang yang telah meninggalkan kita.

Daripada Abu Hurairah RA berkata, bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud: *"Perbanyakkanlah mengingati pemutus kenikmatan dunia (mati)."* (Hadith Hasan Riwayat al-Tirmizi)

## HUKUM ZIARAH KUBUR

Para ulama' sepakat berpendapat bahawa sunat bagi lelaki menziarahi kubur. Ini berdasarkan hadith Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

**Pada suatu ketika Rasulullah S.A.W. menziarahi kubur ibu baginda, lalu baginda menangis, maka menangis juga orang di sekelilingnya. Kemudian baginda bersabda: "Aku memohon kepada Tuhanku untuk aku memintakan ampun bagi ibuku, tetapi permohonanku tidak diperkenankan-Nya. Kemudian aku memohon keizinan untuk menziarahi kuburnya, maka diperkenankan-Nya bagiku, maka pergilah kamu menziarahi kubur, kerana itu akan mengingatkan kamu kepada kematian."** (Hadith Sahih Riwayat al-Jama'ah)


Menurut pendapat Jumhur Ulama', hukum menziarahi kubur bagi perempuan adalah makruh kerana sifat mereka yang kurang sabar, cepat tersentuh perasaan atau sensitif dan dibimbangi akan menimbulkan perasaan dukacita yang bersangatan.

Sungguhpun demikian, terdapat dalil yang menunjukkan bahawa hukum bagi kaum perempuan menziarahi kubur adalah harus, iaitu sebuah hadith yang diriwayatkan oleh **Anas bin Malik R.A. yang mana Rasulullah S.A.W. berjalan melintasi seorang perempuan yang sedang menangis di kubur anaknya, lalu Baginda S.A.W. bersabda yang bermaksud: "Bertaqwalah kamu kepada Allah dan bersabarlah."** (Hadith Muttafaq 'Alaih)

Dapat kita fahami daripada hadith tersebut bahawa menziarahi kubur bagi seseorang perempuan itu tidak dilarang, kerana jika perbuatan tersebut dihukumkan haram atau dilarang bagi kaum perempuan, sudah tentu Rasulullah S.A.W. akan menjelaskan tentang larangan tersebut.

Satu lagi dalil ialah hadith Aisyah R.A. yang juga pernah menziarahi kubur, dia bertanya kepada Rasulullah S.A.W., *"Apakah yang patut aku baca kepada orang yang sudah meninggal dunia ketika itu aku melawat perkuburan? Maka jawab Rasulullah S.A.W.: "Katakanlah. Mudah-mudahan Allah limpahkan keselamatan ke atas ahli kubur daripada kalangan orang Mukmin dan Muslim dan semoga Allah merahmati orang terdahulu dari kalangan kami dan orang yang terkemudian dan sesungguhnya sekiranya kami diizinkan oleh Allah kami akan bertemu dengan kamu."* (Hadith Sahih Riwayat Muslim). Secara ringkasnya dapatlah dirumuskan bahawa hukum menziarahi kubur bagi kaum perempuan adalah bergantung kepada tujuannya.

Jika tujuannya hanya untuk mengambil iktibar dan untuk mengingati kematian di samping dia dapat menjaga adab-adabnya, maka hukumnya adalah **harus** dan jika tujuan sebaliknya dan tidak dapat menjaga adab-adabnya, hukumnya boleh menjadi **haram**.



## ADAB & LARANGAN MENZIARAHI KUBUR

1. Dalam keadaan berwudhu'.
2. Berpakaian sopan dan menutup aurat.
3. Memberi salam kepada ahli atau penghuni kubur, afdal dilakukan dalam keadaan berdiri di tepi perkuburan dengan membelakangi kiblat dan menghadap ke arah muka ahli kubur yang diziarahi. Hal ini juga diamalkan ketika membaca talqin. (Disunatkan memberi salam dan berdoa walaupun sekadar melintasi mana-mana kubur orang Islam sekalipun tanpa niat ziarah secara khusus). Doanya ialah:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ

وَأَنَا إِن شَاءَ اللَّهُ لِلَّهِ لَلْحَقُونَ أَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمْ الْعَافِيَةَ.

Maksudnya: *"Semoga kesejahteraan untukmu, wahai penduduk Barzakh dari kalangan orang Mukmin dan Muslim. Sesungguhnya kami Insya-Allah akan menyusul, kami mohon kepada Allah untuk kami dan kamu, agar diberi keselamatan (dari apa yang tidak diinginkan)."* (Hadith Sahih Riwayat Muslim)

4. Disunatkan kita berpaling ke arah kiblat dan mengangkat kedua-dua tangan untuk berdoa.
5. Bagi perempuan yang hendak menziarahi kubur sebaik-baiknya hendaklah ditemani oleh suami ataupun mahramnya serta menjaga diri dari *tabarruj* (berhias dan menzahirkan kecantikan).
6. Berakhlak dengan akhlak mulia.
7. Menjaga kebersihan kawasan perkuburan dan persekitarannya.
8. Dilarang meratap, meraung, memukul-mukul pipi, meronta-ronta kerana terlalu sedih. Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud: *"Bukanlah dari golongan kami orang yang menampar-nampar pipi, merobek leher baju, dan berseru dengan seruan jahiliah."* (Hadith Muttafaq 'Alaih)
9. Makruh duduk dan merangkak di atas kubur, melangkah kubur dan bersandar pada kubur. Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud: